

05 SEP 2002

Tioman-Pembangunan

PELAN PEMBANGUNAN TIOMAN AKAN DIKAJI SEMULA

KUANTAN, 5 Sept (Bernama) -- Pelan Pembangunan Pulau Tioman akan dikaji semula oleh Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) bagi memastikan pembangunannya bersesuaian dengan statusnya sebagai Pulau Bebas Cukai.

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob berkata mesyuarat Lembaga Pengarah TDA hari ini telah bersetuju mengkaji semula pelan pembangunan pulau itu dan menganggap perancangan pembangunan di pulau tersebut perlu dibuat seolah-olah daripada "kosong."

Menurutnya, perancangan itu termasuklah pembinaan infrastruktur, penetapan semula kedudukan agensi kerajaan, ekonomi, sekolah.

"Arahan telah dikeluarkan kepada pengurusan TDA dan mereka diminta membentangkan pelan pembangunan itu dalam mesyuarat lembaga pengarah yang akan datang," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Lembaga Pengarah TDA hari ini.

Adnan yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah TDA berkata keputusan yang dibuat pada mesyuarat itu akan dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum kelulusan mengenainya dibuat.

Menurutnya, pada satu pertemuan baru-baru ini Dr Mahathir telah memberi beberapa arahan mengeni bentuk pembangunan pulau itu dan ini akan dilaksanakan.

"Perdana Menteri antara lain meminta pembangunan di Tioman dilakukan dengan keadaan mesra alam dan perlu dipastikan keadaan pulau tersebut yang cantik tidak akan tercemar," katanya.

Adnan berkata, Dr Mahathir turut mencadangkan peningkatan infrastruktur termasuklah pembinaan dua jeti utama untuk kargo dan penumpang di Tekek, pembesaran dan pemanjangan landasan lapangan terbang, peningkatan keupayaan bekalan air, pembinaan jalan dari Tekek ke Juara, sistem pelupusan sampah yang lebih baik dan pembinaan marina berdekatan dengan Tekek.

Menurutnya, Perdana Menteri turut mencadangkan pembinaan kawasan rumah dan kedai di Mukut dan akan disewakan kepada penduduk yang layak dengan kadar yang rendah dan cara pembayaran yang fleksibel.

"Kita anggap Perdana Menteri sebagai penasihat dan perintis pembangunan Pulau Tioman," katanya.

Adnan berkata penduduk di pulau berkenaan tidak perlu risau dengan pembangunan itu kerana pelan pembangunan itu akan memastikan pembangunan pulau berkenaan akan dibuat secara seimbang daripada segi kepentingan kebajikan penduduk, pembangunan infrastruktur dan alam sekitar.

-- BERNAMA

HIS NMO